

Surat khabar: Utusan Borneo (Tempatan)
Hari/Tarikh: 20/3/2016
Muka surat: 6

Tajuk : Jangan malu daftar anak OKU dengan JKM

6 **Utusan Borneo** Ahad, 20 Mac 2016

Jangan malu daftar anak OKU dengan JKM

Ibu bapa perlu memastikan anak istimewa mendapat pelbagai bantuan disedia k'jaan

Oleh Sandy Mark Luna

KOTA SAMARAHAN: Ibu bapa mempunyai anak orang kurang upaya (OKU) digesa untuk mendaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

maklumat tepat berhubung perkhidmatan disedia pihak kebajikan," katanya.

Beliau hadir bagi mewakili Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak Abang Shamsudin Abang Seruji berkata demikian ketika

“Jabatan Kebajikan menyediakan banyak bantuan pembangunan anak OKU. Namun mungkin ramai tidak mempunyai maklumat tepat berhubung perkhidmatan disedia pihak kebajikan.”

Irene Andrew Ganggang
Pegawai Pembangunan Masyarakat

Pegawai Pembangunan Masyarakat Irene Andrew Ganggang berkata, ibu bapa tidak perlu malu sebaliknya memastikan anak istimewa tersebut menerima pelbagai bantuan disedia kerajaan.

“Jabatan Kebajikan menyediakan banyak bantuan pembangunan anak OKU. Namun mungkin ramai tidak mempunyai

berucap menyempurnakan penutupan Pertandingan Lompat Tali siri 5/2016 di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) di sini semalam.

Hadir sama, Presiden Persatuan Disleksia Sarawak Dr Ong Puay Hoon dan Pengerusi Penganjur Monica Manyie Eigu.

Irene pada masa sama tu-



DEMI KESIHATAN: Dr Ong (dua kiri) dan Monica (kiri) merakam album bersama para pemenang.

rut menggalak lebih ramai sukarelawan pelbagai lapisan masyarakat turut serta dan mengambil bahagian dalam aktiviti dijalankan oleh badan kebajikan seperti Persatuan Disleksia.

Menurutnya, konsep amal merupakan aspek paling penting dalam masyarakat kerana mendorong organisasi seperti persatuan tersebut

terus berfungsi dan mencapai objektif diharapkan.

Beliau turut mengharapkan lebih banyak badan korporat, syarikat, agensi kerajaan dan orang awam terus menyokong dan menyalurkan sumbangan, tenaga dan wang ringgit agar hasrat Persatuan Disleksia untuk membina institusi baharu bagi golongan berkeperluan

khas dapat direalisasikan.

Setakat November 2015 di Sarawak, seramai 4,327 OKU berdaftar di Sekolah Pendidikan Khas manakala 3,162 berdaftar dengan jabatan.

Sementara itu, Dr Ong berkata, program disertai lebih 140 orang itu merupakan landasan golongan muda khususnya berkeperluan khas menunjuk kemahiran lompat

tali selain terlibat dalam aktiviti fizikal menyihatkan.

Menurut beliau, program itu dapat meningkatkan fungsi koordinasi otak dan seterusnya meningkatkan kemahiran motor kasar dan halus.

“Kita percaya aktiviti lompat tali ini merupakan aktiviti sosial yang baik,” katanya.